

# RAHSIA AL-QURAN -DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

Undang-undang Islam sesuai bagi  
tiap-tiap tempat dan tiap-tiap zaman

## II

Pada bilangan yang lalu telah diterangkan bahawa setengah daripada orang-orang Islam kita yang terpelajar cara Barat, oleh kerana mereka ketiadaan pengetahuan tentang undang-undang Islam atau syariat Islam maka mereka telah mendakwa beberapa dakwaan yang salah iaitu :

- (1) Islam tidak kena mengena dengan pemerintahan.
- (2) Undang-undang Islam tidak sesuai dengan zaman ini.
- (3) Setengah hukum syari'e hanya buat sementara
- (4) Setengah hukum syar'ie tidak boleh dijalankan.
- (5) Fiqh Islam berbalik kepada fahaman alim ulama sahaja.

(Oleh Abdullah Basmeh)

Segala dakwaan mereka yang tersebut telah dijawab oleh al-Ustaz “‘Abd al-Qādir ‘Awdah, seorang jaguh Islam yang sedang meningkat namanya di Mesir pada hari ini di dalam kitabnya: *‘al-Islām baina Jihal Ibnāī wa jaz ‘Ūlamāī*” yang diturunkan khulasahnya di bawah ini :

### **(1) Dakwaan bahawa Islam tidak kena mengena dengan pemerintahan**

Setengah orang-orang kita yang berpelajaran Barat mendakwa bahawa Islam ialah “agama” sedang agama itu ialah perhubungan di antara manusia dengan Tuhannya, dan tidaklah ia mempunyai perhubungan langsung dengan pemerintahan dan negara. Tetapi apabila tuan bertanya kepada mereka: di mana letaknya faham yang sedemikian ini di dalam Quran dan Sunnah? Maka mereka akan terdiam tersipu-sipu tidak dapat menjawab, kerana mereka tidak mempunyai alasan selain daripada pengajian mereka yang secara

Barat dan pengetahuan mereka yang telah dipelajari tentang bahawa undang-undang Eropah itu adalah terdiri di atas menceraikan di antara gereja dengan negara.

Mereka telah terpengaruh dengan pengajian yang demikian sehingga mereka menyangka bahawa apa yang telah mereka pelajari ini sesuai dijalankan di dalam tiap-tiap negeri, dan berjalan atas tiap-tiap peraturan. Sekiranya mereka berfikir dengan tenang nescaya akan mengetahui bahawa undang-undang buatan manusia, dan pengetahuan cara Barat itu tidak layak menjadi hujjah dan alasan dalam soal ini tetapi hujah yang tidak dapat dipatahkan atau dihancurkan ialah peraturan dan undang-undang Islam sendiri. Cuba kita periksa dan perhati: kalaulah undang-undang tersebut membezakan di antara agama dengan dunia maka dakwaan mereka itu benar, kalau pula undang-undang Islam menghimpunkan agama dan dunia, mencampurkan ibadah dengan pimpinan, memangku masjid dengan kerajaan, maka dakwaan mereka itu batal atau pun

semata-mata rekaan dan dusta pasun.

Orang-orang kita yang tersebut, yang beragama Islam dan percayakan Quran, mereka tidak tahu bahawa kitab suci itu ada terkandung di dalamnya hukum-hukum berkenaan orang-orang yang menjadi pembunuh, ahli perang, pecuri, penzina dan seterusnya.

Selain daripada itu terkandung juga di dalamnya hukum-hukum yang mengharamkan kesalahan jenayah dan menjatuhkan hukuman di atasnya dengan cara-caranya yang tertentu.

Maka kesalahan-kesalahan jenayah yang telah diharamkan oleh Quran dan hukuman-hukuman yang telah ditetapkan kerananya adalah suatu soal pemerintahan, bukannya soal agama seperti yang mereka sangkakan. Kalau Islam tidak menyatukan agama dengan negara nescaya tidaklah ia membawa dan menetapkan hukum-hukum tersebut, dan apabila al-Quran telah mewajibkan atas orang-orang Islam menjalankan hukum-hukum tersebut maka sesungguhnya ia telah mewajibkan atas mereka mendirikan kerajaan dan negara yang menjaga siang malam bagi melaksanakan dan menjalankan hukum-hukum itu.

Al-Quran telah mewajibkan supaya cara pemerintahan itu dengan jalan “syura” :

“*Waāmr hum syurā bainahum*”. 38, al-Syura (dan perkara-perkara mereka – orang-orang Islam – diselesaikan dengan bermesyuarat sesama sendiri).

Firman-Nya lagi : “*Washāwarahum fī al-amr*”. 159 Ali-Imrān, (dan bermesyuaratlah engkau dengan mereka dalam sebarang urusan).

Mendirikan pemerintahan dengan jalan “Syura” atau berperwakilan adalah mewajibkan supaya menubuhkan kerajaan dan negara Islam. Kalau Islam itu menceraikan agama daripada negara, tentulah ia tidak bersusah payah menerangkan rupa dan bentuk kerajaan itu.

Al-Quran telah mewajibkan hendaklah pemerintahan dijalankan dengan adil dan sesuai dengan undang-undang yang diturunkan oleh Allah, sebagaimana firman-Nya:

..*Inna Allāh ya'murukum an tūadu li al-amānāt ilā ahlih*

*waizā ḥakamtum baina al-nās an tuḥkamū bi al-'adl*..58

al-Nisā'. (Bahawasanya Allah memerintah kamu supaya menyampaikan amanah-amanah kepada yang punyanya. Jika kamu menghukum di antara manusia hendaklah dengan adil).

Firman-Nya lagi : “*wain aḥkum bainahum bimā anzal Allāh*” 49 al-Mā'idah (hendaklah engkau menghukum di antara mereka dengan undang-undang yang diturunkan oleh Allah).

Firman-Nya lagi: “*Wa man lam yaḥkum bimā anzal Allāh fāūlaik hum al-kāfirūn*”. 44 al-Mā'idah. (Barangsiapa yang tidak menghukum menurut undang-undang yang diturunkan Allah maka mereka itu orang kafir).

Menjalankan hukum di antara orang ramai ialah suatu perkara yang menjadi soal kerajaan, sedang al-Quran telah menyatukan negara dengan agama, lalu diperintahkan supaya kerajaan itu menjalankan pemerintahan atas asasi Islam.

Al-Quran mewajibkan “menyuruh berbuat baik dan melarang daripada berbuat perkara yang keji”. Sebagaimana firman-Nya Taala:

“*waltakun minkum ummatun yadūn ilā al-khayr wayamurūn bī al-ma'ruf wayanhawna ani al-munkar*” 104 Ali-Imrān (Hendaklah ada di antara kamu satu puak menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh berbuat baik. Serta melarang daripada berbuat perkara yang keji).

“*Al-Ma'ruf*” atau “perkara yang baik” ialah tiap-tiap perkara yang diperintahkan oleh syara', manakala “*al-Munkar*” atau “perkara yang keji” ialah tiap-tiap perkara yang dilarang oleh-Nya. Apkala telah wajib dan mesti ada di antara orang-orang Islam, seseorang atau sekumpulan yang menyeru kepada mendirikan segala yang diperintahkan oleh Islam, dan melarang segala yang diharamkan-Nya, maka tak dapat tiada mestilah ada kerajaan Islam, kerana jika kerajaan itu tidak berdasar Islam nescaya akan terbengkalailah segala undang-undang Islam yang telah diterangkan oleh kitab suci al-Quran. Daripada keterangan ini jelaslah

bahawa al-Quran telah menyatukan perkara-perkara agama dengan perkara-perkara dunia.

Kerajaan adalah bertanggungjawab menjalankan urusan-urusan agama dan dunia menurut undang-undang Islam, dengan dalil firmannya tabruk wataala.

“*Alladhina al mahnāhum fī al-arḍ aqāmawā al-ṣalāt wa atū al-zakāt wam rawū bi al-ma'ruf wanhaw ani al-munkar.*” 41

(Orang-orang, jika kami tetapkan kedudukan mereka (berkuasa) di muka bumi, mereka mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menyuruh orang berbuat kebajikan, dan melarang daripada berbuat perkara-perkara yang keji).

Ini, ialah nas atau keterangan yang menjadi kata pemutus bahawa kerajaan yang baik sekali yang sigianya menjadi contoh tauladan ialah kerajaan yang menyuruh rakyatnya mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat dan ialah juga kerajaan yang menjalankan dan mendirikan segala yang diperintah walahu Allah dan melarang segala larangan-Nya. Jelasnya kerajaan itu tertuntut berdasar agama – agama Islam, dan bertanggungjawab menjalankan urusan pemerintahan dan siasah menurut asas Islam.

Banyak lagi hukum-hukum yang telah diterangkan oleh al-Quran al-Karim seperti hukum-hukum yang mengenai kebangkitan dalam negeri, perbalahan dengan kerajaan-kerajaan dunia, keamanan dan peperangan, perjanjian dan muamalat, dan perkara-perkara yang mengenai diri seseorang. Al-Quran telah mewajibkan bahawa harta kekayaan orang-orang kaya ada mengandungi hak bagi orang-orang fakir miskin, dan di dalam Baitulmal ada terkandung hak anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang menjadi “*ainā al-Sabīl*”. Pendeknya al-Quran al-Karim tidak mengabaikan sesuatu perkara pun daripada perkara-perkara dunia melainkan telah diterangkan hukumnya, demikian juga perkara ibadah dan iktikad. Al-Quran telah mendirikan perkara-perkara dunia atas landasan agama dan akhlak, dan dengan agama dan akhlak juga al-Quran telah mengambil jalan mengikat urusan negara, dan mengarahkan rakyat dan pemerintah. Kesemuanya ini

bukan sahaja bermakna al-Quran telah menyatukan agama dengan negara bahkan negara itu telah menjadi di dalam Islam ialah agama, dan agama itu ialah negara.

## **(2) Dakwaan bahawa undang-undang Islam tidak sesuai dengan zaman ini**

Setengah daripada orang-orang Islam kita yang terpelajar cara Barat mendakwa bahawa syariat Islam (undang-undang Islam) itu tidak sesuai bagi zaman kita ini, tetapi mereka tidak menyatakan alasan dakwaan-dakwaan tersebut. Kalau mereka mengatakan bahawa sesuatu dasar Islam yang tertentu tidak sesuai dengan zaman ini lalu mereka menerangkan sebab ketiadaan layaknya, nescaya dakwaan mereka itu berharga, dan bolehlah dari segi mantiq (logik) dibahas segala alasan dan diterangkan kepalsuannya. Ada pun sikap mereka mendakwa bahawa syariat Islam atau undang-undang Islam itu semuanya tidak sesuai dengan zaman ini, dengan tidak pula mendatangkan alasan, maka yang demikian sesungguhnya amat ganjil bagi orang-orang yang berfikiran. Apakala pula kita ketahui bahawa mereka mendakwakan dakwaan-dakwaan tersebut, sedang mereka tidak berpengetahuan tentang undang-undang Islam, maka tidaklah salah jika kita berkata: bahawa dakwaan mereka itu yang tersebut adalah terdiri di atas kejahilan dan dusta pasun.

Syariat Islam telah menetapkan dasar “persamaan” di antara manusia sebagaimana yang dijelaskan oleh firman-Nya ertinya :

“Wahai sekalian manusia bahawasanya kami telah menjadikan kamu daripada jenis lelaki dan perempuan, dan menjadikan kamu berpuak-puak dan bersuku-suku supaya kamu berkenal-kenalan, sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah yang lebih taqwanya”. 13 al-Hujurat.

Dan diterangkan oleh junjungan (SAW) maksudnya:

“Tidak ada kelebihan bagi orang Arab atas orang ujud, melainkan dengan taqwa. “

Syariat Islam telah menetapkan dasar ini semenjak lebih daripada tiga belas kurun dahulu, sedang undang-undang buatan

manusia yang dimegah-megahkan oleh orang-orang yang jahil itu baru mengenakan dasar ini pada akhir kurun yang kedalapan belas dan kebanyakan negeri-negeri di Eropah dan Amerika Syarikat melaksanakan dasar ini hanya dengan cara tarikat dan dalam kawasan yang sempit. Yakni di sana masih ada lagi dasar kulit berwarna.

Syariat Islam semenjak diturunkan dahulu telah menetapkan dasar “kebiasaan” dengan sepenuhnya, iaitu kebiasaan berfikir, kebebasan iktikad, kebebasan bercakap dan seterusnya segala keterangannya boleh didapati dengan banyaknya.

Demikian juga setengah daripada asas-asas yang di atasnya terdiri syariat Islam ialah “keadilan” yang meliputi dan tidak berhad, sebagaimana firmanNya:

“*Waidhā hakimtum bain al-nās an taḥkumū bi al-‘adl*”

58, al-Nisā’. (Dan apabila kamu menjalankan hukum di antara orang ramai hendaklah dengan adil).

Firman-Nya lagi: “*walā yajraminkum shai‘an qawm alā an lāta’ dalū.*”<sup>8</sup> al-Māidah (Janganlah kebencian kamu kepada sesuatu kaum menarik atau mendesak kamu berlaku tidak adil).

Firman-Nya lagi: “*Yāayyuhā al-dhīn amanū kunū qawāmīn bi al-qisṭ shuhadā’ Allāh walaw alā anfusikum aw al-wa al-dīn wā al-qarabīn.*” 135 al-Nisā’. (Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu mendirikan keadilan serta menjadi saksi atas kebenaran kerana Allah walaupun atas diri kamu sendiri atau atas kedua ibu bapa dan kaum kerabat kamu.)

Asas ini yang telah ditetapkan oleh syariat Islam semenjak turunnya dahulu tidak dikenal oleh undang-undang buatan manusia melainkan pada akhir kurun yang kedalapan belas. Inilah tiga asas yang di atasnya terletak tapak undang-undang buatan manusia yang terpakai sekarang. Pada hal syariat Islam telah mengenalnya terlebih dahulu daripada undang-undang itu mengenalnya dengan kira-kira sebelas kurun. Maka betapa undang-undang buatan manusia itu menjadi sesuai dengan zaman ini, dan syariat Islam

tidak, pada hal ia terdiri di atas asas itu juga?

Syariat Islam telah menganjurkan asas dan faham “syura” (bermesyuarat) semenjak ia diturunkan dengan dalil firman-Nya Ta‘āla yang telah disajikan di atas itu. Syariat Islam telah mendahului undang-undang buatan manusia dengan kira-kira sebelas kurun pada menetapkan asas ini, dikecualikan undang-undang Inggeris yang telah menggunakan asas tersebut kemudian daripada sepuluh kurun setelah syariat Islam memulakannya.

Syariat Islam semenjak diturunkan telah mengikat kuasa ketua negara, dan memandangnya sebagai wakil rakyat jelata, serta menentukan tanggungjawabnya atas kesalahan-kesalahan yang dilakukannya; syariat Islam juga berlaku kuatkuasanya atas ketua negara sama sebagaimana berlakunya atas rakyat jelata, ketua negara adalah terikat dalam segala tindakan-tindakannya dan kerja-kerja yang dilakukannya dengan undang-undang yang ditetapkan oleh Islam, dan ia tidak mempunyai sebarang kelebihan dan keistimewaan atas rakyat ramai. Yang demikian ini ialah kerana hendak melaksanakan faham “persamaan” yang tersebut.

Syariat Islam telah menetapkan asas-asas ini yang di atasnya terdiri kerajaan-kerajaan buatan manusia mengenalnya dengan kira-kira sebelas kurun, maka bagaimana boleh dikata: syariat Islam tidak boleh dipakai pada zaman ini?!

Syariat Islam telah mengharamkan arak dan mengharuskan talak sedang undang-undang buatan manusia tidak mengenal akan yang demikian (mengharamkan arak dan mengharuskan talak) melainkan dalam kurun ini. Dalam pada itu setengah daripada undang-undang mengharamkan arak dengan tidak berkecuali, setengahnya mengharamkannya pada setengah-setengah keadaan dan tempat sahaja. Setengahnya pula mengharuskan talak dengan tidak bersyarat, dan setengahnya mengharuskannya dengan bersyarat, maka bagaimanakah undang-undang ini yang telah mengambil daripada syariat Islam dipandang layak dan sesuai, sedang syariat Islam sendiri tidak?!

Syariat Islam ialah julung-julung syariat yang telah membawa faham dan amalan “*al-Tā’wūn al-Ijtimā’ī*” (kebajikan masyarakat) dan “*al-Taḍāmin al-Ijtimā’ī*” (jaminan masyarakat). Pada hal kedua-duanya baharu dikenal oleh orang lain dalam kurun in dan dikerjakan pula dengan berhad.

Syariat Islam mengharamkan “*Ihtikar*” (memburukkan barang-barang makanan dengan tujuan hendak menaikkan harganya), mengambil peluang dengan menggunakan pengaruh jawatan, dan “makan suap” atau “tumbuk rusuk”. Asas-asas ini tidak diharamkan oleh undang-undang buatan manusia melainkan dalam masa yang akhir.

Syariat Islam mengharamkan perkara yang keji, yang zahir atau yang batin, demikian juga perbuatan menganiaya dan menceroboh. Syariat Islam menyeru kepada berbuat kebajikan, menyuruh berbuat baik dan melarang daripada berbuat jahat. Asas-asas yang di atasnya terdiri syariat Islam inilah yang menjadi tujuan yang tinggi mulia yang diidami oleh manusia. Maka betapa syariat Islam yang dikatakan tidak sesuai bagi suatu zaman yang memandang asas-asas itu juga sebagai tujuan dan idamannya?!

Kalau kita mengikuti asas-asas dan faham kemanusiaan, kemsyarakatan dan lembaga undang-undang yang diketahui oleh zaman ini dan dibangga-banggakan oleh orang-orang sekarang. Nescaya kita akan dpati semuanya ada di dalam syariat Islam dengan lebih molek rupa dan keadaannya.

Daripada segala keterangan yang dibentangkan di atas jelaslah bahawa dakwaan yang mengataakan syariat Islam atau undang-undang Islam itu tidak sesuai dan tidak layak dijalankan pada zaman ini adalah suatu dakwaan yang terbina di atas kejahilan terhadap syariat Islam, dan tidak mempunyai sebarang alasan yang bersandarkan kenyataan. Barangkali uzur yang tunggal yang boleh dijadikan sebagai uzur oleh ahli-ahli dakwaan tersebut ialah dari kerana mereka telah mempelajari bahawa undang-undang buatan manusia zaman dahulu adalah terdiri di atas asas-asas lapuk yang terbentang dengan mantiq atau logik zaman ini;

mereka pun hafaz akan dia sebagai suatu kaedah am, lalu mereka padankan kaedah itu atas syariat Islam dengan alasan kononnya syariat Islam itupun bersifat tua dan lapuk, dengan tidak pula mereka memikirkan perbezaan di antara undang-undang Islam dengan undang-undang buatan manusia itu.

(Radd tentang tiga dakwaan lagi akan disiarkan - Insha Allah – dalam bilangan yang akan datang – P)

Baharu terbit!

Hebat dan menarik!

---

## HUSSIN DI PADANG KARBALA

Riwayat yang penuh dengan perjuangan dan pengorbanan yang gagah berani!

(oleh Abdullah Basmeh)

Sejarah perjuangan Saidina Hussain Radi Allāh anh dan semangatnya yang tinggi sehingga dapat menentang musuhnya yang berganda-ganda banyaknya adalah diterangkan dengan jelasnya di dalam buku ini menurut gambaran pena: Ibnu Khaldun al-Khudri Iqbal, Hamka, al-Itikad, dan lain-lain lagi.

Dua penggal tamat sepenggal \$1.20 pos 10 sen

Pintalah kepada penerbitnya

**QALAM**  
c/o 356 & 358, Geylang Rd.,  
Singapore 14.

---